



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 26 NOVEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TIADA DOKUMEN PUNCA SUKAR ATASI ISU WARGA ASING USAHA SAWAH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KUKUHKAN SOKONGAN PESAWAH BANTU TINGKAT HASIL PADI, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
3.	LESEN 40 BOT TANGKAP IKAN DI JOHOR DIBATAL, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	BANK BANTU PEMINJAM MANGSA BANJIR, NIAGA, KOSMO, M/S – 30	AGROBANK
5.	MANSUH TARIF DAGING LEMBU KENYA KURANGKAN KOS PENGGUNA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 10	LAIN – LAIN
6.	'REMOVAL OF TARIFFS ON KENYAN BEEF WILL BENEFIT CONSUMERS', NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6	
7.	GOVT COMMITTED TO TAWAU, KALABAKAN AGRICULTURE: ZAHID, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	
8.	TAWAU, KALABAKAN BERPOTENSI HAB PERTANIAN, TVET SABAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	
9.	TANAH PUSAKA JADI NURSERI POKOK KOPI, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
10.	20 PELAJAR TAHFIZ MQAN JADI PERINTIS TVET TERNAKAN TILAPIA, UTUSAN PELAJAR, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 17 & 18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Tiada dokumen punca sukar atasi isu warga asing usaha sawah

Kuala Lumpur: Tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing yang mengusahakan sawah sukar dilaksanakan kerana sewaan tanah kepada mereka tidak direkodkan secara rasmi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan, Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata masalah itu berpunca daripada keputusan pemilik tanah mengupah atau membenarkan warga asing menjalankan kerja pertanian termasuk semaian, meracun, membajak dan mengusahakan tanaman kontan.

Katanya, kelemahan dokumentasi itu menyebabkan agensi berkaitan tidak dapat mengesahkan status penyewaan atau membuktikan pelanggaran syarat penggunaan tanah.

"Kebanjiran warga asing dalam isu ini memerlukan penyelesaian tadbir urus yang teliti dan melibatkan kerjasama rentas kementerian," katanya

pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri.

Beliau menjawab soalan Kapten (B) Datuk Dr Zulkaferi Hanapi (Tanjong Karang).

Dalam pada itu Mohamad berkata, kerajaan sedang pada peringkat libat urus bagi menilai keperluan meminda Akta Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 2004 serta pertimbangan menyertai Konvensyen Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 1991.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tidak akan memuktamadkan sebarang langkah sebelum mencapai persetujuan meluas termasuk daripada pesawah yang bimbang terhadap kesan dasar baharu berhubung amalan menyimpan dan berkongsi benih.

"Sekarang pada peringkat libat urus dibuat untuk

kita melaksanakan ke arah akta ini. Libat urus ini cukup penting untuk kita dapat kesepakatan dan kalau kita laksanakan ia mesti menguntungkan petani," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu). **BERNAMA**

Masalah berpunca daripada keputusan pemilik tanah upah atau benarkan warga asing jalankan kerja pertanian

Mohamad Sabu,
Menteri
Pertanian dan
Keterjaminan,
Makanan



Kukuhkan sokongan pesawah bantu tingkat hasil padi

PETALING JAYA — Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan beberapa langkah strategik melibatkan pembangunan infrastruktur serta pengukuhan sokongan kepada pesawah bagi menangani isu penyusutan hasil padi negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antara usaha utama ialah memperkasa aktiviti pengembangan di lapangan bagi memastikan teknologi terbaru, amalan terbaik dan maklumat penting dapat disalurkan secara berkesan kepada pesawah serta komuniti pertanian.

Beliau berkata, KPKM turut meningkatkan pendedahan ke-

pada pengurusan risiko penyakit dan perubahan iklim melalui galakan amalan pertanian lestari serta pengurusan sawah yang lebih cekap.

"Di samping itu, kerja menaik taraf Kolam Takungan Parit 4 di Sungai Haji Dorani sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti simpanan air sekali gus menjamin kelestarian bekalan pengairan sawah padi.

"Kementerian juga menaik taraf sistem pengairan dan saliran di Peket 20 dalam kawasan Skim Pengairan Panchang Bedena (Sungai Haji Dorani) serta Sungai Nipah untuk pastikan agihan air lebih efisien dan kurangkan risiko

gangguan bekalan kepada pesawah," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Kapten Datuk Dr. Zulkaferi Hanapi (PN-Tanjong Karang) mengenai langkah Kementerian bagi menangani hasil sawah yang rendah.

Mohamad memaklumkan, purata hasil padi bagi negeri Selangor adalah sebanyak 4.185 tan metrik per hektar pada tahun 2024, merosot sebanyak 8.56 peratus berbanding 4.577 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Tanjong Karang merupakan antara kawasan yang turut terlibat dalam penyusutan hasil ini.



GAMBAR fail kawasan penanaman padi berskala besar di Tanjong Karang, Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Lesen 40 bot tangkap ikan di Johor dibatal

EAIC sedia ambil tindakan tatatertib pegawai cuai beri kelulusan

Oleh Hidayah Azman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) membatalkan pendaftaran lesen bagi 40 bot penangkapan ikan di Johor selepas siasatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mendapati berlaku ketidakpatuhan terhadap prosedur dan dasar pelesenan jabatan dalam proses permohonan dan kelulusan.

Menerusi satu kenyataan semalam, DOF memaklumkan, ia antara tindakan pembetulan diambil di peringkat ibu pejabat jabatan berdasarkan keputusan Mesyuarat Khas Penilaian Teknikal Vesel Penangkapan Ikan Zon C dan Zon C2 yang diadakan pada 7 Julai lalu.

DOF tak kompromi

“Integriti, pematuhan prosedur dan dasar pelesenan adalah asas utama tadbir urus jabatan.

“DOF tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk salah laku, ketidakpatuhan atau unsur jenayah termasuk pemalsuan dokumen.

“Kami ingin memaklumkan proses tindakan pembetulan dibuat melalui pembatalan pendaftaran lesen bagi 40 kapal

penangkapan ikan di Johor.

“Selain itu, pembetulan juga dibuat berdasarkan keputusan Mesyuarat Khas Penilaian Teknikal Vesel Penangkapan Ikan Zon C dan Zon C2 yang diadakan pada 7 Julai lalu.

“Langkah tegas ini adalah selaras dengan syor EAIC untuk mempertingkatkan pembatalan lesen kapal yang diperolehi melalui prosedur yang tidak teratur,” menurut jabatan berkenaan.

Selain tindakan pembatalan lesen, tindakan susulan berkaitan integriti dan ketidakpatuhan prosedur turut dipertingkatkan dengan hasil siasatan telah dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib DOF untuk tindakan selanjutnya terhadap pegawai yang terbabit.

Bank bantu peminjam mangsa banjir

- Tawar moratorium sehingga enam bulan
- Aktifkan Program Bantuan Banjir

PETALING JAYA – Prihatin dan peka terhadap nasib mangsa banjir di beberapa negeri agar mereka tidak bimbang memikirkan masalah kewangan dan juga komitmen bulanan yang perlu dilunaskan setiap bulan, bank-bank utama telah membuat pengumuman secara berasingan untuk membantu pelanggannya bukan sahaja individu tetapi juga perniagaan yang terjejas.

Kumpulan AmBank memaklumkan Program Bantuan Banjir telah dilaksanakan dengan menawarkan moratorium sehingga enam bulan bagi pembiayaan bulanan dan pengecualian sebarang caj sampingan atau penggantian untuk buku pas, buku cek, kad ATM, kad kredit dan debit.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank, Jamie Ling berkata, pihaknya bersedia memberi bantuan kepada pelanggan sebaik mungkin bagi meringankan beban kewangan sekali gus memberi ruang untuk mereka yang terjejas memberi tumpuan terhadap proses pemulihan dan pembinaan semula kehidupan.



TENGKU AHMAD
BADLI SHAH

JAMIE LING

PKS dan individu terjejas banjir perlu menghubungi pihak bank agar beban kewangan dapat dikurangkan. – GAMBAR HIASAN

Agrobank pula mengumumkan tawaran moratorium selama enam bulan bagi membantu pelanggan dan inisiatif ini akan membolehkan penangguhan bayaran balik pembiayaan sehingga enam bulan bagi pelanggannya yang layak.

Jadi inisiatif ini akan memberi ruang untuk mangsa banjir memulihkan perniagaan secara berperingkat.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, bagi membolehkan pelanggan yang terjejas menumpukan perhatian kepada pemulihan perniagaan, mereka digalakkan untuk memohon kemudahan moratorium yang disediakan.

Selain itu, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) juga mengumumkan penawaran bantuan khas banjir yang merangkumi bantuan moratorium untuk semua pembiayaan indi-

vidu dan perniagaan sehingga enam bulan serta penggantian kad debit dan kad kredit tanpa sebarang bayaran kepada pelanggannya yang terjejas.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin berkata, peranan bank bukan sekadar menyediakan produk kewangan, tetapi lebih daripada itu.

Selain itu, Kumpulan Perbankan RHB juga komited untuk membantu pelanggan melalui Program Bantuan Banjir dengan menyediakan bantuan kewangan jangka pendek kepada individu dan juga perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Antara bantuan yang ditawarkan adalah penangguhan bayaran sehingga enam bulan bagi pinjaman perumahan, pinjaman/Pembiayaan-i Amanah Saham Bumiputera, pinjaman/pembiayaan-i Peribadi dan Kemudahan Sewa Beli/i.

Turut ditawarkan adalah pengecualian caj sehingga enam bulan bagi caj bayaran lewat dan faedah/i pengurusan sebenar ke atas kad kredit/i yang terjejas, sehingga jumlah keseluruhan RM500.

Dalam pada itu, Maybank juga telah mengaktifkan Program Bantuan Banjir yang akan menyokong individu serta pelanggan PKS yang terjejas dan bantuan itu tersedia berkuat kuasa serta-merta.

"Program Bantuan Banjir Maybank direka untuk menangani cabaran yang dihadapi mangsa banjir dan ia akan merangkumi, antara lain penangguhan bayaran balik pembiayaan/pinjaman, pengurangan ansuran bulanan dan lanjutan tempoh bayaran balik.

Mansuh tarif daging lembu Kenya kurangkan kos pengguna

FOTO: BERNAMA



Anwar ketika sidang akhbar pada Selasa.

NAIROBI, KENYA - Pengumuman untuk memansuhkan tarif ke atas import daging lembu dari Kenya bertujuan mengurangkan kos untuk pengguna Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Isu lebih penting bukan mengenai memansuhkan atau mengekalkan (tarif) tetapi bagaimana untuk mendapatkan harga yang rendah? Seperti yang anda tahu, harga daging lembu adalah terlalu tinggi (di Malaysia)," kata beliau dalam sidang akhbar pada akhir siri lawatan ke tiga negara di Afrika.

Beliau berkata, Malaysia perlu mengimbangi perlindungan terhadap penternak tempatan dengan keperluan memastikan harga makanan mampu milik dan negara telah mengimport daging lembu dari beberapa negara lain.

"Kos daging di Malaysia adalah tinggi. Kecenderungan kita adalah memperluas dan mempermudah import supaya kos kepada rakyat adalah lebih rendah," kata beliau.

Anwar berkata, tiada keperluan untuk menghadkan import kepada hanya beberapa negara sahaja dan menjadikannya sukar untuk negara yang kurang maju mengeksport ke Malaysia.

"Selagi prosedur dan parameter dipenuhi, tiada sebab untuk mendiskriminasi negara miskin," katanya sambil menambah agensi termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Pertanian perlu memastikan akses adil kepada semua.

Anwar berkata, walaupun Kenya berminat untuk meningkatkan hasil eksportnya, negara itu turut merancang meningkatkan import dari Malaysia.

"Sebagai contoh, ia mengimport sejumlah besar minyak sawit dari Malaysia, berjumlah RM1 bilion, yang turut disalurkan ke negara lain di benua lain. Aturan sama dapat dilihat pada kereta Proton kita," kata beliau. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2025	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

CHEAPER PRODUCE

'Removal of tariffs on Kenyan beef will benefit consumers'

NAIROBI: The removal of tariffs on agricultural produce and beef from Kenya will bring down the cost of food, especially meat, for consumers in Malaysia, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said the prices of beef in Malaysia were too high and the removal of tariffs from places like Kenya could help bring them down.

"I don't see it as a problem as it is going to benefit consumers.

"We expand our markets and we make it easier for the import of beef without adding to the costs. This will ultimately benefit the people."

Asked whether the decision would impact local farmers and food security in Malaysia, Anwar said that would not happen.

But he said the protection of farmers should not come at the expense of consumers.

"We defend the farmers if the prices are reasonable. We are al-

ready importing beef anyway.

"So why only get it from selected countries and make it so difficult for other less economically successful countries to sell their produce?"

"As long as procedures and parameters are met, there is no reason why we must discriminate against poorer countries."

On the financial impact of the tariff removal, Anwar said it was very negligible.

Kenyan President William Samoei Ruto had described the removal of tariffs on agriculture and beef as a significant step that would open new market opportunities for Kenyan farmers and strengthen the commercial foundation of the

two nations' partnership.

Kenya's major exports to Malaysia include tea, coffee, flowers, avocados, titanium, hides and beef.

Malaysian exports to Kenya largely comprise edible oils and fats, chemical products, electronics, agricultural chemicals and rubber.

Anwar, who was on his first official visit here, said broad parameters and execution of decisions made in Nairobi could be finalised before Ruto's visit to Malaysia next year.

His visit to Kenya was the first by a Malaysian prime minister in nearly two decades, after Tun Abdullah Ahmad Badawi's visit in 2007.

6 *We expand our markets and we make it easier for the import of beef without adding on to the costs. This will ultimately benefit the people.*

PRIME MINISTER DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

Anwar said Putrajaya hoped to elevate bilateral relations between Malaysia and Kenya to a strategic partnership that would encompass all areas, including traditional agricultural imports as well as new technologies.

He said Kenya was on track to become one of the stars in Africa and Malaysia needed to be well placed in its partnership with the country.

Kenya was Malaysia's third largest trading partner in Africa last year.

This year, total trade between January and August reached RM3.7 billion, showing a robust 22.3 per cent increase year-on-year.

Palm oil and palm oil-based products constituted 89.9 per cent of trade for the period.

Kenya has a population of 58 million and recorded a gross domestic product of US\$107.441 billion last year.

Govt committed to Tawau, Kalabakan agriculture: Zahid

TAWAU: The government is committed to developing Tawau and Kalabakan into modern agricultural hubs and training centres for the High-Level Technical and Vocational Education and Training (Hi-TVET) programme.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the initiative is not a seasonal offer or associated with the Sabah polls, but rather part of the federal government's plan to modernise the agricultural sector and produce a skilled workforce in Sabah.

"Tawau and Kalabakan have tremendous potential for development because the land is very fertile. The area should be developed with not only traditional agriculture, but also modern agriculture."

He was speaking after attending the Sentuhan Kasih Desa@Tanjung Batu programme and the First Khatam ceremony for pupils of the Pre-Tahfiz Sabah Kemas kindergarten at the Tawau Sports Complex yesterday.

Also present were Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir and Community Development director-general Datuk Mohd Hanafiah Man.

Ahmad Zahid, who is also Rural and Regional Development minister, said modern agriculture requires systematically trained and skilled workers, with TVET serving as the core of economic transformation in the region.

He added that the introduction of high-value agro-technology TVET would position Tawau as the new TVET hub in Sabah.

He said although Sabah currently has 24 Giatmara centres and a Mara Skills Institute in Kota Kinabalu, Tawau still needs a Hi-TVET centre to enhance the marketability of local youths.

He also said a new polytechnic has been identified for development in Tawau to strengthen its skills training ecosystem, adding that these initiatives form part of the government's long-term development agenda and are not temporary promises.

"We are emphasising this not because of the election. These plans were set from the beginning, and we want to ensure their immediate implementation in this region."

— Bernama

Tawau, Kalabakan berpotensi hab pertanian, TVET Sabah



TAWAU: Tawau dan Kalabakan mempunyai potensi luar biasa untuk muncul sebagai hab pertanian moden dan pusat Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Aras Tinggi (Hi-TVET) di negeri Sabah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kesuburan tanah di daerah itu memberikan kelebihan besar untuk memacu pertanian moden, sekali gus melonjakkan sektor makanan dan agroteknologi bernilai tinggi.

Katanya, pembangunan pertanian moden itu perlu digerakkan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di mana latihan Hi-TVET khususnya bidang agroteknologi perlu menjadi tunjang kepada tenaga kerja berkemah-

ran tinggi. "Saya berasakan Tawau dan Kalabakan mempunyai potensi sangat besar untuk kita bawa pembangunan.

"Kawasan ini sangat subur dan bukan sahaja sesuai untuk pertanian tradisional tetapi pertanian moden," katanya pada sidang media selepas Program Sentuhan Kasih Desa@Tanjung Batu dan Khatam Perdana Pra-Tahfiz Tabika Kemas Peringkat Negeri Sabah di Dewan Tertutup, Kompleks Sukan Tawau, di sini semalam.

Beliau berkata, Majlis TVET Negara sedang merancang menjadikan Tawau sebagai pusat Hi-TVET baharu di Sabah, selain Institut Kemahiran MARA (IKM) yang sedia ada di Kota Kinabalu.

Katanya, meskipun terdapat 24 GiatMARA di seluruh Sabah, tetapi keperluan terhadap Hi-TVET di Tawau adalah mendesak untuk memenuhi permintaan industri dan pelaburan baharu.



AHMAD Zahid Hamidi bersalaman dengan peserta Program Khatam Perdana Pra Tahfiz Tabika Kemas Peringkat Negeri Sabah dan Program Sentuhan Desa Kemas 2025 di Kompleks Sukan Tawau, Sabah.

"Dalam hal ini, Institut Kemahiran MARA (IKM) bakal menawarkan kursus yang mempunyai kadar kebolehpasaran tinggi. Ini penting kerana kadar pengang-

guran di Sabah mesti dikurangkan, dan Hi-TVET perlu dijadikan asas pembangunan tenaga kerja tempatan," katanya. Ahmad Zahid berkata, untuk

membuka pintu pelaburan dan merancakkan industri di Tawau, penyelesaian segera terhadap isu tiga serangkai (jalan raya, elektrik dan air) perlu diberikan keutamaan.

"Pelaburan luar hanya dapat dibawa masuk apabila isu tiga serangkai ini diselesaikan segera.

"Pada masa sama, latihan itu penting kerana 199,800 penganggur terdiri dari anak muda di Sabah. Kita tidak mahu mereka yang merupakan hampir 20 peratus penganggur datang dari Sabah. Kita tidak mahu mereka terus berhijrah mencari pekerjaan di Sarawak atau di Lembah Klang.

"Tenaga kerja Sabah mesti diberikan latihan, diberi tumpuan dan dilibatkan dalam pembangunan negeri mereka sendiri. Itu sebabnya kita bercadang mendirikan sebuah lagi IKM di Tawau dalam RMK dan Rancangan Pembangunan Sabah Satu (RPS1)," katanya.

Tanah pusaka jadi nurseri pokok kopi

TAPAH – Berbekal minat dan kesungguhan kerana tidak mahu tanah pusaka seluas 0.4 hektar peninggalan arwah bapa di Kampung Talang Hulu, Kuala Kangsar terbiar, seorang wanita mengambil langkah berani membuka nurseri penanaman pokok kopi sejak enam tahun lalu.

Walaupun berkelulusan ijazah bidang psikologi dari Universiti Malaya, Raihan Shafiqah Ismail, 37, mempunyai minat mendalam terhadap anak pokok kopi jenis Liberica yang mendapat permintaan tinggi.

"Saya bermula dengan menanam pokok kopi di tepi parit dan longkang sebelum meminta izin kakak untuk mengusahakan tanah pusaka. Seronok dapat bersihkan pokok dan semak samun. Saya menggunakan batang buluh sebagai tiang dengan modal permulaan sebanyak RM6,000.

"Sebelum ini, saya melakukan pelbagai kerja antaranya ejen produk kesihatan, tutor dan guru namun tidak serasi. Minat saya untuk berbakti kepada tanah," ketika ditemui di Pusat Pemprosesan Kopi Perak di sini semalam.

Wanita itu mahu ingin membuktikan bahawa bidang pertanian juga sesuai untuk kaum wanita.

"Saya mampu menjana pendapatan kasar sehingga RM3,000 hingga RM4,000 sebulan dan jumlah itu mencukupi untuk perbelanjaan diri sendiri dan keluarga di kampung.

"Selain pokok kopi, saya turut menghasilkan produk hiliran iaitu biskut kopi yang digemari oleh semua golongan sama ada kanak-kanak, golongan dewasa dan warga emas," katanya.



RAIHAN SHAFIQAH menunjukkan tanaman di nurseri miliknya di Kampung Talang Hulu, Kuala Kangsar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	UTUSAN PELAJAR	17



PELAJAR Maahad Qiraat An Nur (MQAN), Bukit Puas, Jerantut menunjukkan sijil penyertaan belajar menternak ikan tilapia dalam tangki kanvas di Maahad Qiraat An Nur Bukit Puas, Jerantut, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD.

20 pelajar tahfiz MQAN jadi perintis TVET ternakan tilapia

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

SERAMAI 20 pelajar Maahad Qiraat An Nur (MQAN), Bukit Puas, Jerantut menjadi perintis program kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz dengan kerjasama Kolej Komuniti Jerantut (KKJ).

Bercakap kepada *Utusan Pelajar*, Pengerusi MQAN Bukit Puas, Abdul Rafid Fatteh Mohamed berkata, kursus TVET Tahfiz itu merupakan program yang menggabungkan kemahiran teknikal dan vokasional agar memberi input baru kepada pelajar berkenaan.

"Memulakan kemahiran tersebut, pelajar di sini telah didedahkan selama empat hari dengan teknik ternakan



Selain melahirkan huffaz profesional, pelajar ini dibekalkan kemahiran teknikal berteraskan industri semasa."

ikan secara bioflok, iaitu menernak ikan tilapia dalam tangki kanvas.

"Pada masa ini kami menyediakan sebanyak tiga kanvas selebar 10 meter setiap satu yang menampung sejumlah 4,500 ekor tilapia," katanya di MQAN Bukit Puas,

Jerantut baru-baru ini.

Menurut Abdul Rafid, ikan yang ditenak, selain digunakan untuk kegunaan makanan harian juga turut dijual kepada orang ramai untuk menampung kewangan pengurusan pengajian tahfiz.

Beliau berkata, MQAN Bukit Puas memilih

pengajian TVET berasaskan ternakan akuakultur kerana Jerantut terkenal dengan ternakan ikan sangkar di sepanjang Sungai Tembeling dan Sungai Pahang.

Malahan kalangan ibu bapa pelajar turut terabit dalam bidang itu sebagai sumber mata pencarian.

"Bioflok merupakan kaedah baharu ternakan ikan air tawar tanpa menghadapi risiko banjir dan kemarau kerana ikan tilapia serta spesies (ikan) lain boleh ditenak di kawasan rumah.

"Kaedah moden ini cuma menernak ikan dalam tangki kanvas dengan menggunakan mikroorganisma (bakteria baik) untuk mengawal kualiti air dan menjadikan sisa buangan sebagai makanan semula jadi untuk ikan," katanya.



PELAJAR tahfiz dibimbing cara menernak ikan tilapia dalam kanvas menggunakan bioflok daripada kakitangan Kolej Komuniti Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Bersambung di muka 18

20 pelajar tahfiz MQAN jadi perintis TVET ternakan tilapia

Dari muka 17

Selanjutnya Abdul Rafid menambah, sistem bioflok merupakan ternakan akuakultur yang bersih, jimat air dan makanan, kerana segala sisa dalam air tidak dibuang, tetapi dikitar semula menjadi makanan iaitu bioflok ini terapung dalam air dan dimakan semula oleh ikan.

Berkongsi pengetahuan yang sama, Ketua Program Teknologi Akuakultur KKI, Farah Diyana Mohd Azmi berkata, program TVET Tahfiz bertujuan melahirkan profesional tahfiz yang seimbang antara ilmu duniawi dan ukhrawi.

Katanya, program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Zam Aquatic yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam ternakan ikan air tawar.

"Melalui kerjasama antara Kolej Komuniti dengan institusi tahfiz ini secara langsung dapat memberikan kemahiran keusahawanan dan teknikal kepada mereka bagi membina kemahiran keusahawanan apabila tamat pengajian kelak.


"Selain melahirkan huffaz profesional, pelajar ini dibekalkan kemahiran teknikal berteraskan industri semasa selain mempunyai ilmu hafazan al-Quran serta memperluas kebolehan pelajar untuk berdaya saing dalam kerjaya masa depan," katanya.

Katanya, MQAN Bukit Pias merupakan tahfiz pertama di negara ini yang mengikut program ternakan ikan menggunakan sistem bioflok dan diharap pada masa depan lebih banyak tahfiz menyertai program ini.

Pelajar tahfiz, Mohd Zulhairi Zulkifli, 15 dari Kampung Tebing Tinggi, Jerantut berkata, dia begitu teruja apabila mempelajari sistem ternakan ikan dalam



TERNAKAN TILAPIA dalam kanvas memberi peluang kepada pelajar Maahad Qiraat An Nur Bukit Pias, Jerantut, Pahang merintis pembelajaran kemahiran TVET bidang akuakultur.



SEORANG kakitangan Zam Aquatic dari Kolej Komuniti Jerantut (tengah) menunjuk cara membersihkan benih ikan tilapia sebelum dilepaskan ke dalam tangki kanvas di Jerantut, Pahang baru-baru ini. - HARIS FADILAH AHMAD

tangki kanvas.

"Sistem ini lebih mudah dipantau kerana boleh dilaksanakan di

kawasan rumah dan tidak menghadapi banyak risiko seperti banjir dan kemarau jika ditenak di sungai atau

“

Bioflok merupakan kaedah baharu ternakan ikan air tawar tanpa menghadapi risiko banjir dan kemarau kerana ikan tilapia serta spesies (ikan) lain boleh ditenak di kawasan rumah.”

ABDUL RAFID FATTEH MOHAMED

kolam,” katanya.

Mohd Zulhairi yang sudah menghafal 15 juzuk al-Quran berkata, dia akan menajamkan kemahiran ternakan akuakultur selepas belajar al-Quran pada sebelah petang sebagai bekalan menceburi bidang bidang ternakan akuakultur.

Rakannya, Mohamad Ramadan Abdul Karim, 15 dari Tanjung Medang, Pekan berkata, dia sudah memperoleh sedikit kemahiran bidang ternakan ikan air tawar kerana bapanya

merupakan penternak ikan sangkar di Pekan.

"Saya akan mencadangkan kepada ayah untuk mencuba kaedah bioflok kerana lebih mudah serta menjimatkan makanan ikan berbanding kaedah ternakan sangkar," katanya.

Ujarnya, menerusi kaedah bioflok pengurusan ternakan lebih menjimatkan lebih lagi berdekatan rumah dan peluang bapa meningkatkan pendapatan hasil pasaran ikan tilapia di pusat jualan berdekatan.